

**SOALAN LAZIM BERKAITAN PEKELILING
PELAKSANAAN AKTIVITI KEAGAMAAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI MASJID DAN SURAU
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BERTARIKH 21 MEI 2021**

| Bil. | Soalan lazim |
|------|---|
| 01. | Mengapakah dibenarkan pelaksanaan solat Jumaat hanya masjid dan surau diri jumaat (SDJ) sahaja sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ? Apa relevensinya bilangan jamaah hanya seramai 12 orang dan terbatas kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sahaja serta bagi ahli kariah yang lain, hendaklah solat Zohor bagi mengantikan solat Jumaat di rumah masing-masing. |
| 02. | Mengapakah surau hanya dibenarkan untuk dilaksanakan solat fardu dan solat jenazah sahaja dengan bilangan jamaah seramai 12 orang serta terbatas kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sahaja sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)? |

Jawapan 1 (pertama)

Secara asasnya bahawa solat Jumaat merupakan suatu ketetapan hukum yang hendaklah dilaksanakan secara berjamaah di dalam sesuatu kariah. Hikmahnya untuk mempertemukan segenap manusia Muslim dalam kariah tersebut sepertimana dinyatakan oleh Almarhum Dr. Wahbah al-Zuhaili bahawa :

أَنَّ الْجُمُعَةَ تَنْطَلِبُ الْاجْتِمَاعَ

Maksudnya : “Sesungguhnya solat Jumaat menuntut kepada perhimpunan manusia.”

Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan oleh pihak kerajaan bermula 22 Mei 2021 sehingga 4 Jun 2021 maka, kawalan terhadap perhimpunan orang ramai diperketatkan bertujuan mengawal penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan. Perhimpunan bagi melaksanakan aktiviti ibadat termasuk solat Jumaat, solat jamaah dan solat jenazah turut terlibat dalam pengawalan ini.

Oleh yang demikian, bagi tujuan pengawalan ini maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berpandangan bahawa:

- i) Bilangan jamaah untuk melaksanakan solat Jumaat seramai 12 orang adalah bersesuaian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sedang dilaksanakan dan bilangan hanya terbatas kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sahaja bertujuan membendung dan mengawal penularan secara efektif.

Dalam keadaan darurat dan terdesak ini, maka Jawatankuasa memilih bilangan ini berasaskan kepada apa yang dinyatakan oleh al Imam al Sayuti terhadap “qaul qadim” kedua dalam mazhab Syafi’e bahawa bilangan minimum bagi mendirikan solat jumaat adalah seramai 12 orang. Selain itu terdapat pandangan yang berasaskan hadis riwayat Imam Muslim daripada Jabir bin Abdullah R.A yang mengatakan bahawa Nabi SAW sedang menyampaikan khutbah Jumaat dalam keadaan berdiri. Tiba-tiba datang satu rombongan dagang dari Syam, maka para jamaah telah bergegas ke arah rombongan itu sehingga tidak ada lagi yang tinggal bersamanya (mendengar khutbah tersebut) melainkan dua belas orang lelaki. Pandangan ini juga menjadi pegangan bagi Mazhab Maliki terhadap bilangan ahli Jumaat.

Jawatankuasa Fatwa memberi pandangan berkenaan hal ini sementara Ulil amri telah memutuskan sesuatu pertimbangan bersesuaian dengan peranan bagi memelihara kemaslahatan ummah, Maqasid Syarak, Siasah Syariah serta memutuskan sebarang pertikaian dikalangan ummah. Kaedah feqh menyatakan :

حُكْمُ الْحَاكمِ يَرْقَعُ الْخِلَاقَ

Bermaksud: “*Keputusan pemerintah mengangkat khilaf (percanggahan)*”.

- ii) Pelaksanaan solat Jumaat hanya terbatas kepada masjid dan surau diri Jumaat (SDJ) sahaja disebabkan hal yang sedemikian merujuk kepada syarat asas bahawa syariat dan syiar solat Jumaat hendaklah dilaksanakan di sesuatu kariah. Oleh kerana hanya masjid dan surau diri Jumaat (SDJ) sahaja mempunyai persempadanan kariah maka, Jawatankuasa Fatwa berpandangan amatlah wajar pelaksanaan solat Jumaat dilakukan dalam sesuatu kariah sewaktu Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bermula 22 Mei 2021 sehingga 4 Jun 2021. Hal ini bertujuan membantu mengawal penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan.

Soalan 2 (Kedua)

Bagi memelihara Syiar Islam biarpun dalam keadaan paling minimun ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) disamping pertimbangan daripada pihak berwajib maka, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berpandangan amatlah wajar didirikan solat fardu secara berjamaah tidak melebihi 12 orang di sesuatu kawasan atau taman yang terdapat orang Islam. Hal ini dengan meneliti kepada peranan solat sebagai ibadat yang utama disamping berjamaah merupakan syiar yang paling besar.

Disamping itu Jawatankuasa berpandangan amat perlu mempertahankan sunnah dalam keadaan semampu mungkin dengan dilaungkan azan dan iqamah. Disamping sebagai Syiar utama sebagai penanda aras kewujudan Islam disamping pemakluman sesuatu solat fardu. Imam al Nawawi menyatakan dalam minhaj al Tolibin:

الْأَذَانُ وَالْإِقَامَةُ سُنَّةٌ، وَقِيلَ فَرْضُ كِفَائِيَّةٍ، وَإِنَّمَا يُشْرَعَانِ لِمَكْتُوبَةٍ، وَيُقَالُ فِي الْعِيدِ وَتَحْوِيهٍ:

الصَّلَاةَ جَامِعَةً

Bermaksud : “ Azan dan iqamah adalah sunnah. Ada ulama yang mengatakan, fardhu kifayah. Keduanya disyariatkan untuk shalat wajib lima waktu. Ada ulama yang mengatakan, keduanya berlaku pada shalat Id dan semisalnya, ‘As-Shalātu jāmi‘ah,’”

Disediakan oleh

Bahagian Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Perak.